

JAWATAN KOSONG



MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah).

NAMA JAWATAN	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
--------------	-------------------------------

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS PERBANDARAN KULIM
Klasifikasi Perkhidmatan	:	PERKHIDMATAN SAMBILAN HARIAN
Jumlah kekosongan	:	SEPULUH (10)
Kadar Upah	:	RM 54.00 SEHARI
Jabatan	:	PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
Taraf Jawatan	:	PEKERJA SAMBILAN HARIAN

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
 - Warganegara Malaysia ;
 - Memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam Bahasa Melayu dan Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
 - Mempunyai lesen memandu Kelas B dan D. Keutamaan adalah mempunyai dan boleh menunggang motosikal sendiri.
 - Sihat tubuh badan dan berumur tidak melebihi dari 45 tahun pada tarikh tutup iklan.
- Syarat Tambahan :**

Memiliki pengalaman dalam bidang Pengurusan Harta, Penilaian Harta Tanah atau Pengurusan Harta Benda.

DESKRIPSI TUGAS

1. Bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja lawat periksa, mengukur keluasan bangunan, melukis pelan lantai dan menyediakan laporan lawat periksa di tapak /lapangan.
2. Bertanggungjawab membuat edaran borang penyata pemilik, mengemaskini maklumat pegangan dan membuka fail individu.
3. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha dan pegawai atasan dari masa ke semasa.

CARA MEMOHON

- 1) Semua borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman Portal MPKK <http://www.mpkk.gov.my/ms/mp-kulim/sumber/muat-turun-borang/e-borang>
- 2) Setiap permohonan hendaklah disertakan perkara-perkara berikut:-
 - a) 2 keping gambar berukuran passport
 - b) Salinan Sijil Kelahiran
 - c) Salinan Kad Pengenalan
 - d) Salinan Sijil Peperiksaan
 - e) Lain-lain Sijil yang berkaitan.
- 3) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 25 sm x 32 sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- 4) Permohonan yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan akan **DITOLAK**. Permohonan hendaklah sampai di alamat seperti berikut:-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KULIM,
NO. 1, LEBUH BANDAR 2,
BANDAR PUTRA KULIM
09000 KULIM, KEDAH
(u.p: Bahagian Sumber Manusia)**

- 5) Tarikh Tutup Permohonan: **07 MAC 2019**

CATATAN AM

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W4-1

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEWANGAN

KUMPULAN : PELAKSANA

PERKHIDMATAN

GRED GAJI/JAWATAN : W4-1

JADUAL GAJI : T1:RM955.00 - T20:RM2780.00

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik atau Perdagangan atau Akaun pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T1); atau

(b) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Perakaunan [Kerani Akaun (*Account Clerk*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T2); atau

(c) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T2); atau

(d) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Perakaunan [Penyelia Akaun (*Account Supervisor*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T3); atau

(e) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T3); atau

(f) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W4-1: T4).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil

DESKRIPSI TUGAS

- Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
3. Bertanggungjawab ke atas tugas-tugas kewangan sepenuh masa dengan membantu pihak pengurusan/penyelia dalam urusan-urusan seperti berikut:
 - Menyedia dan mengemaskinikan belanjawan tahunan.
 - Mengurus dan mengawal peruntukan.
 - Menyelenggara rekod dan menyediakan laporan perbelanjaan.
 - Mengurus, menyelenggara, memantau semua jenis panjar.
 - Mengurus, merekod dan mengambil tindakan susulan berhubung dengan pendahuluan diri, pendahuluan pelbagai, pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan.